

Masih ada ruang untuk ASEAN berkembang
Utusan Online
18 Mac, 2013
Oleh EDWARD LEE

RANTAU ASEAN sekali lagi harus diberi perhatian tahun ini.

Selepas dikatakan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.2 peratus pada tahun lalu, kami menjangkakan rantau ini berupaya mencatatkan pertumbuhan 5.3 peratus pada 2013, sekali gus mengatasi jangkaan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) iaitu 3.6 peratus.

Dijangkakan keluaran dalam negara kasar (KDNK) Indonesia, Filipina, Malaysia menyamai atau mengatasi kadar purata pertumbuhan untuk 10 yang lalu. Hal yang sama mungkin berlaku ke atas Myanmar setelah pemerintah negara itu membuka ekonominya bagi menjalankan perdagangan antarabangsa.

Keyakinan di kalangan pelabur domestik dan asing terhadap ASEAN ketika ini adalah tinggi, rantau ini berjaya menguasai 7.6 peratus keseluruhan pelaburan langsung asing (FDI) global pada 2011 iaitu peningkatan berbanding 4.3 peratus pada 2006.

Sejak krisis kewangan, ekonomi ASEAN berkembang dengan baik, adakah momentum itu dapat dikekalkan sehingga kini?

Sebenarnya, masih banyak lagi ruang untuk ASEAN meningkatkan cengkamannya, walaupun rantau sejak sedekad lalu kerap mencatatkan KDNK yang lebih baik berbanding pertumbuhan purata dunia.

ASEAN masih lagi berada pada peringkat awal, di mana proses urbanisasi masih berlaku dan ia memainkan peranan penting menjana ekonomi.

Mereka masih belum mencapai suatu tahap yang kompleks seperti negara-negara maju. Hal ini sekali gus memudahkan pertumbuhan ekonomi berkembang dan dikawal dengan baik.

Urbanisasi membantu meningkatkan tahap produktiviti individu melalui akses kepada pasaran serta kehidupan yang baik. Urbanisasi juga meningkatkan kadar permintaan, meningkatkan kecekapan, pasaran buruh serta menjimatkan masa mengikut konsep ekonomi.

Di bantu dengan usaha kerajaan membangunkan infrastruktur dan keperluan semasa, semua faktor ini menjimatkan kos perniagaan.

Sebagai contoh ialah Jakarta, walaupun saiznya hanya 0.04 peratus daripada keseluruhan Indonesia, hasil proses urbanisasi yang berlaku membolehkan ibu kota itu menyumbang 17 peratus kepada KDNK Indonesia.

Apa pun, urbanisasi yang berlaku tetap berkait rapat dengan penyusunan serta pengurusan bandar yang baik. Proses itu bergerak seiring dengan pertumbuhan ekonomi walaupun ada sesetengah kes urbanisasi tidak memberi kesan kepada ekonomi.

Berdasarkan penilaian semasa, ekonomi kategori ketiga ASEAN ialah Kemboja, Vietnam, Myanmar, Thailand dan Laos, kategori kedua ialah Filipina dan Indonesia manakala kategori pertama ialah Malaysia, Brunei serta Singapura.

Dengan jangkaan negara kategori ketiga meningkat kepada kategori kedua (iaitu kadar urbanisasi 50 peratus) dan negara kategori kedua menjadi kategori pertama (iaitu kadar urbanisasi 75 peratus), pendapatan per kapita ASEAN mampu berada di paras terbaik iaitu AS\$10,290 (RM31,899) daripada AS\$3,509 (RM10,877) pada 2011.

Mengikut piawaian Bank Dunia, dunia mengatasi kadar urbanisasi 50 peratus pada 2007. Namun enam negara ASEAN iaitu Kemboja, Laos, Myanmar, Filipina, Thailand dan Vietnam masih belum mengatasi piawaian itu.

Indonesia hanya mengatasi sedikit iaitu 51.4 peratus. Sementara Singapura, Malaysia dan Brunei sudah berada di dalam keadaan urbanisasi yang baik.

Perkara ini menunjukkan, masih terdapat ruang bagi keseluruhan ASEAN meningkatkan lagi statusnya sebagai kuasa ekonomi yang dipandang tinggi.

Jika mengambil kira soal pendapatan per kapita, hanya Singapura dan Brunei telah mengatasi paras AS\$10,000 (RM31,000) sementara yang lainnya hanya menghampir atau begitu jauh daripada nagka tersebut.

Berdasarkan Laporan Kompetitif Antarabangsa Forum Ekonomi Dunia 2012-2013, Kemboja dan Vietnam masih berada di dalam tahap asas pertumbuhan ekonominya, sementara Myanmar dan Laos tidak tersenarai di dalam laporan tersebut.

Brunei dan Filipina pula masih berada di peringkat perubahan untuk menjadi negara berekonomi yang efisien, manakala Thailand dan Indonesia sudah berada di dalam kategori negara berekonomi yang efisien.

Di dalam peringkat awal pembangunan ekonomi, mempraktikkan teknologi, pelaburan di dalam infrastruktur dan penyediaan khidmat pendidikan dan kesihatan yang baik dianggap penting dalam meningkatkan tahap ekonomi.

Dalam ASEAN, hanya Singapura berada di dalam kategori ekonomi berinovasi, sementara Malaysia berada di peringkat perubahan negara berekonomi yang efisien kepada ekonomi berinovasi.

Meskipun, artikel ini memfokuskan peluang kepada pertumbuhan ekonomi ASEAN, namun jangan dilupakan kesemua perkara ini perlulah konsisten, dasar yang berkesan serta keyakinan setiap negara dalam melaksanakannya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Ekonomi/20130318/ek_03/Masih-ada-ruang-untuk-ASEAN-berkembang